

DASAR & PENTADBIRAN

Dasar diperkenal golongan B40

→ Pelbagai inisiatif dilaksana kerajaan bantu ringan beban golongan sasar

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

▪ Kuala Lumpur

Selain pewartaan larangan merokok dipertuas ke semua premis makanan; pengkakan harga runcit petrol untuk beberapa hari lagi dan pemansuhan tol motosikal di dua jambatan utama di Pulau Pinang; ada pel-

bagai lagi peraturan, dasar dan inisiatif diperkenalkan kerajaan tahun ini.

Antaranya, pelarasan harga runcit produk petroleum, termasuk RON95 kepada harga lebih rendah dengan penetapan harga terkini, akan dibuat sebelum akhir minggu ini dan kerajaan juga memberi subsidi RON95 sebanyak 30 sen seliter terhad kepada 100 liter sebulan bagi kereta atau 40 liter bagi motosikal bermula suku kedua tahun ini.

Bagi memastikan golongan B40 (BSH) akan diagih membabitkan tiga kumpulan penerima, iaitu RM1,000 untuk isi rumah berpendapatan RM2,000 dan ke bawah; RM2,001-RM3,000 (RM750) serta RM3,001-RM4,000 (RM500).

Agihan BSH 2019 fasa pertama dijangka memanfaatkan 4.1 juta isi

rumah akan dibuat pada 28 Januari ini, melalui pembayaran fasa pertama sebanyak RM300 bagi setiap isi rumah, membabitkan peruntukan RM1.2 bilion.

Ringan beban

Bagi ibu bapa yang terbeban dengan bayaran kos persekolahan anak, terutama isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah, bantuan awal persekolahan RM100 kepada setiap murid Tahun Satu hingga Tingkatan Lima akan turut mula diagihkan bulan ini.

Dalam sektor pendidikan juga, peperiksaan formal bagi murid Tahun Satu (Tahun Satu, Dua dan Tiga) dimansuhkan dan diganti pentaksiran lebih objek berteraskan perkembangan pembelajaran, selain pemakaian kasut hitam dibenarkan untuk pelajar sekolah.

Tidak dilupakan, 185,000 isi ru-

mah miskin tegar dan miskin bakal menikmati rebat elektrik berjumlah RM40, selepas dinaikkan daripada RM20 sebelum ini.

Kabinet juga membekukan kenaikan kadar tol di 21 lebuhraya seluruh negara yang tolnya layak dinaikkan pada 2019, membabitkan impikasi kewangan kerajaan berjumlah RM994.43 juta.

Bagi kumpulan pekerja pula, kerajaan mengumumkan kadar gaji minimum seragam bagi seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak, yang ditetapkan RM1,050 sebulan atau RM5.05 sejam berkuat kuasa hari ini.

Caruman mandatori Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi majikan pula dikurangkan daripada 6 peratus kepada 4 peratus, selain diperkenalkan pelepasan cukai pendapatan sehingga RM4,000 ke atas caruman kepada KWSP

atau dana pencen diluluskan, serta sehingga RM3,000 ke atas takaful atau bayaran premium insurans hayat.

Peraturan lain yang menjadi tumpuan ialah semua pemandu perkhidmatan e-hailing wajib membuat pendaftaran lesen Kerajaan Pengangkutan Awam (PSV) seperti pemandu teksi.

Bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, diperkenalkan pas bulanan RM100 tanpa had perjalanan meliputi perkhidmatan rel dan bas RapidKL, selain pas bulanan RM50 tanpa had perjalanan bagi bas RapidKL sahaja.

Yang paling menarik ialah kerajaan membenarkan platform penajaan dana masyarakat atau *property crowdfunding* sebagai sumber alternatif bagi pembelian rumah pertama, yang dikawal selia Suruhanjaya Sekuriti.